

08 JUL 2003

Merdeka-Sambutan/I

KUALA LUMPUR AKAN MENJADI BANDARAYA BERCAHAYA MENJELANG MERDEKA

KUALA LUMPUR, 8 Julai (Bernama) -- Sambutan menjelang Merdeka pada tahun ini yang akan diterajui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), akan menjadikan ibu negara sebagai bandaraya bercahaya dengan kira-kira 100 bangunan akan dinyalakan serentak bagi menandakan sambutan Hari Merdeka ke-46 negara.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Tengku Datuk Adnan Tengku Mansor hari ini berkata acara itu yang akan diadakan di tiga lokasi, juga akan cuba memecahkan rekod Guinness Book of World Records sebagai bandaraya terbesar di dunia yang dinyalakan serentak.

"Acara itu, bertema Perjalanan Warna-Warni, akan digunakan untuk menggambarkan laluan yang telah diambil negara lebih 46 tahun lepas. Ia akan mencerminkan pembangunan dan kemajuan yang dicapai negara sejak 1957.

"Sambutan menjelang Merdeka itu akan termasuk pertunjukan audio visual, yang akan mempamerkan persembahan cahaya dengan menggunakan kesan khas pada sekurang-kurangnya 100 bangunan di bandaraya ini," katanya pada sidang media di pejabatnya di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur di sini.

Beliau berkata persembahan audio visual itu akan mempamerkan persembahan lampu warna-warni yang akan menjadikan latar langit bandaraya ini bermandikan cahaya.

Acara itu akan dianjurkan dan dikendalikan oleh Sinergi Setia Sdn Bhd dan Carlson White Sdn Bhd dengan DBKL selaku tuan rumah.

Tengku Adnan berkata persembahan audio visual itu yang menggabungkan kesan cahaya bestari, imej pekun dan bergerak penuh berwarna-warni, akan dipancarkan kepada kira-kira 30 bangunan utama di ibu kota ini.

"Setakat ini, kira-kira 30 bangunan telah disasarkan di tiga zon untuk diadakan persembahan audio visual dan hiburan. Tiga zon itu ialah Kuala Lumpur City Centre (KLCC), Bukit Bintang Walk dan tempat bersejarah Dataran Merdeka," katanya.

Acara itu akan disiarkan secara langsung oleh semua stesen televisyen tempatan manakala usaha sedang dijalankan untuk menarik stesen televisyen asing untuk menyiarkan acara itu.

Pada masa yang sama, Tengku Adnan berkata orang ramai juga boleh turut serta dalam acara itu dengan menghantar mesej Terima Kasih, yang akan dipancarkan di bangunan terpilih.

"Mesej Terima Kasih berkenaan akan dipancarkan di bangunan seperti Dayabumi dan mesej itu boleh berupa ucapan terima kasih kepada negara atau malahan Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad). Kami akan menubuhkan sekretariat bagi acara itu di DBKL dan orang ramai boleh menghantar mesej mereka ke sekretariat berkenaan," katanya.

Katanya DBKL menjangkakan kira-kira 500,000 akan membanjiri beberapa lokasi di bandaraya ini bagi acara itu yang akan bermula pada 10 malam, 30 Ogos dan berakhir 12.30 tengah malam, 31 Ogos.

"Kami juga merancang untuk menerbangkan Dr Mahathir dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan isteri masing-masing ke ibu kota dari Putrajaya supaya mereka dapat menyaksikan keindahan Kuala Lumpur pada malam itu," kata Tengku Adnan.

Perancangan juga akan dibuat dengan polis trafik Kuala Lumpur bagi memastikan orang ramai menggunakan pengangkutan awam untuk menghadiri acara itu.

"Kami juga telah berbincang dengan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan untuk menjadikan acara itu sebagai tarikan pelancong. Ia akan

dijadikan sebagai acara tahunan tetapi pada skala lebih kecil," katanya.

DBKL sedang mencari penaja bagi acara besar-besaran itu dan pihak yang berminat boleh menghubungi sekretariat acara itu di Dewan Bandaraya.

-- BERNAMA

SR AHH RHM